

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan Belanjawan 2021 memperuntukkan bantuan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menerima pakai teknologi digital. Berapa bilangan penyedia teknologi digital yang merupakan syarikat milik rakyat Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui agensinya iaitu Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah melaksanakan beberapa program bagi menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mengguna pakai teknologi digital. Antara program utama yang dilaksanakan MDEC yang melibatkan bantuan kewangan kepada syarikat adalah Geran Automasi Pintar atau *Smart Automation Grant* (SAG). SAG merupakan bantuan kewangan dalam bentuk geran padanan sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada jumlah keseluruhan kos projek atau sehingga had maksimum RM200,000.00 (yang mana lebih rendah) bagi syarikat-syarikat perkhidmatan kecil sederhana (PKS) mengautomasikan proses dan operasi perniagaan mereka dengan penggunaan teknologi digital. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat tempatan PKS memanfaatkan teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos operasi dan kebergantungan kepada proses manual.

## SOALAN NO : 16

Mekanisma pelaksanaan Geran ini melibatkan kerjasama institusi kewangan, rakan industri, agensi kerajaan dan pakar industri. Sejak SAG dilancarkan pada bulan Julai 2020, inisiatif ini mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan.

Sebanyak 698 permohonan telah diterima dan daripada jumlah ini, 82 syarikat PKS telah diberikan kelulusan. Pemohon Geran ini boleh melantik mana-mana syarikat penyedia penyelesaian teknologi terutamanya syarikat tempatan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, pemohon boleh melantik syarikat dari luar negara dengan kriteria setanding sekiranya penyelesaian digital yang diperlukan tidak dapat disediakan oleh syarikat tempatan. Sehingga kini, permohonan yang lulus telah bekerja sama dengan 79 syarikat penyedia penyelesaian teknologi tempatan dan 3 syarikat asing.

Selain daripada Geran Automasi Pintar atau SAG ini, Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan kepada PKS dan Koperasi melalui Geran Digitalisasi PKS atau *SME Business Digitalisation Grant (SBDG)*. Geran ini membantu PKS dan Koperasi untuk menerapkan teknologi digital dalam operasi perniagaan mereka. Kementerian Kewangan (MOF) telah melantik Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai peneraju utama dalam menyalurkan geran tersebut termasuk permohonan, pemprosesan dan pembayaran geran. MDEC merupakan rakan strategik kepada BSN di peringkat awal sahaja iaitu dalam memberikan khidmat nasihat bidang pendigitalan serta menyediakan senarai syarikat Pembekal Perkhidmatan atau *Technology Solutions Provider (TSP)* yang terpilih dan dipersetujui oleh BSN. Sehingga Oktober 2021, sejumlah 539 syarikat tempatan milik rakyat Malaysia telah disenaraikan sebagai penyedia penyelesaian digital untuk membantu PKS dan Koperasi mendigitalkan operasi perniagaan mereka.

MDEC juga melaksanakan program-program untuk menggalakkan penggunaan platform e-dagang yang disasarkan kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Di bawah Inisiatif e-dagang Belanjawan 2021, dua (2) kempen kini sedang dilaksanakan iaitu, kempen Go-eCommerce Onboarding dan kempen Shop Malaysia Online

## SOALAN NO : 16

yang disertai oleh penyedia teknologi digital – platform e-dagang. Inisiatif ini telah bermula pada 1 Julai 2021 dan akan berakhir pada 31 Disember 2021. Antara 28 platform e-dagang di bawah kempen Go-eCommerce Onboarding, sebanyak 18 platform e-dagang ini dimiliki oleh rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, bagi kempen Shop Malaysia Online, sebanyak 11 daripada 18 platform e-dagang adalah milik rakyat Malaysia. Antara platform e-dagang milik rakyat Malaysia ialah Beep, Boost, Deliverat, Dhause, Dropee, iBeli, InstanteStore, JDMas, Jocom, Kravve, Kumoten, Lokein, Maybank Sama Sama Lokal, MPay, PGMall, Revenue Monster, Senangpay, Sitegiant, Subplace dan Wonderfly.

Secara puratanya, penglibatan penyedia teknologi digital yang dimiliki oleh rakyat Malaysia adalah sebanyak 63% di bawah inisiatif ini. Setakat 31 Ogos 2021, kempen ini telah berjaya menjana jualan e-dagang melebihi RM2 bilion, dan telah memberi manfaat kepada lebih 300,000 peniaga tempatan.